

22/09/1997

Pelajar paling terdedah kepada jerebu

Mohamad Hussin

KEADAAN jerebu di negara kita kini sudah sampai ke kemuncak sehingga semua sekolah di Sarawak ditutup Jumaat lalu kerana Indeks Pencemar Udara (API) telah melangkaui 400. Kita tidak dapat menentukan sama ada indeks berkenaan akan naik lagi dalam masa terdekat ini, bagaimanapun terbukti dalam keadaan sekarang, kesihatan rakyat terganggu. Makin ramai yang jatuh sakit terutama batuk, sakit mata dan tekak. Bagi yang menghidap penyakit kronik, terutamanya asma, keadaan mereka pastinya lebih teruk lagi. Semuanya akibat jerebu yang melanda negara kita.

Nasib pelajar dan guru adalah lebih teruk lagi kerana mereka terpaksa mengharungi suasana jerebu setiap kali pergi dan balik sekolah dan bernafas dalam bilik-bilik darjah yang turut diliputi jerebu. Mereka terpaksa berada dalam keadaan itu paling kurang separuh hari. Bayangkan keadaan kesihatan mereka jika saban hari menyedut udara yang tidak bersih. Nasib mereka agak buruk berbanding pekerja pejabat yang bekerja di bilik berhawa dingin dan kurang terdedah kepada jerebu.

Kita menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat menggunakan topeng menutup mulut dan hidung bagi mengelak terdedah kepada keadaan jerebu. Kita juga menyambut baik saranan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya pelajar menggunakan alat menutup hidung dan mulut berkenaan.

Ibu bapa sepatutnya memandang serius saranan itu dan cuba mendapatkan topeng untuk kegunaan anak-anak mereka dan juga mereka sendiri. Cuma desas desus yang didengari kini ialah sukar mendapatkan topeng ini. Disebabkan keadaan jerebu ini boleh dikatakan berlaku setiap tahun dan juga untuk tempoh yang panjang, adalah disyorkan setiap sekolah menjual alat ini dengan harga berpatutan. Kedai-kedai juga sepatutnya menyimpan stok peralatan ini kerana ia mungkin diperlukan bila-bila masa sahaja.

Satu lagi persoalan ialah, wajarkah kita menunggu sehingga indeks mencecah 400 baru sekolah hendak ditutup? Jika dilihat keadaan di sekitar Lembah Kelang umpamanya, indeks yang mencecah paras 200 ke 250 dikira sudah cukup mengaburkan pandangan dan kita akan terasa kesannya pada mata atau tekak kita apabila berada di tempat terbuka 10 atau 15 minit. Bayangkan kesannya kepada pelajar yang terdedah kepada keadaan itu untuk separuh hari. Mungkin pihak tertentu patut menilai semula keputusan menutup sekolah hanya apabila indeks mencecah 400, lagipun jumlah hari sekolah ditutup akan diganti pada hari lain.

(END)